

15/11/2001

PM tidak mahu ada pihak buat tuduhan

Kadir Dikoh; Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan semua pihak supaya tidak menjatuhkan hukuman sendiri sebelum siasatan berkisar kepada dakwaan salah guna wang Projek Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), selesai.

Perdana Menteri berkata, pihaknya juga ingin tahu sama ada benar atau tidak tuduhan itu.

"Kita tidak boleh buat penghakiman awal terhadap sesuatu. Kita mesti tahu latar belakang apa sebenarnya berlaku. Setakat yang saya tahu, duit PPRT ini bukan banyak sangat.

"Tetapi yang ini, yang terbabit berpuluh-puluh juta...apakah benar daripada PPRT atau dari punca-punca lain. Jadi kita kena kaji betul-betul sebelum kita membuat tuduhan," katanya selepas menghadiri rumah terbuka Deepavali Datuk Seri S Samy Vellu, di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai siasatan polis berhubung kes salah guna wang PPRT berjumlah RM36.5 juta.

Semalam, Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai berkata siasatan kes itu lebih menjurus kepada pelaburan dalam dua syarikat yang terbabit dalam dua projek PPRT dan polis sedang meneliti sama ada berlaku jenayah pecah amanah atau tipu.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan tetap mengambil tindakan terhadap mereka yang terbabit dalam penyelewengan wang PPRT tetapi menegaskan bahawa tindakan seumpama itu akan hanya diambil setelah siasatan selesai dan terbukti berlaku penyelewengan.

"Saya selalu berhati-hati dalam perkara ini, bukan saya kata nak lepas orang kalau buat salah. Kalau orang betul-betul buat salah, kita patut ambil tindakan tetapi sebelum kita dapat tentukan salah atau tidak, kita tak ambil tindakan," katanya.

Ditanya mengenai isu itu kini bagaikan sudah dipolitikkan oleh sesetengah pihak, Dr Mahathir berkata: "Ya, ada juga unsur-unsur politik, kita tak dapat lari daripada itu".

Isu berkaitan PPRT tercetus berikutan pendedahan laporan Jabatan Audit Negara sebelum ini menyebut, kelemahan pelaksanaan menyebabkan sebahagian besar projek untuk meningkatkan pendapatan rakyat menerusi PPRT kurang berjaya.

Berikutan itu, Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid dalam sidang akhbaranya pula mendedahkan berlaku penyelewengan peruntukan wang PPRT RM40 juta, membabitkan projek ternakan ikan di bawah PPRT di Terengganu dan Kelantan dan sudah membuat laporan polis mengenainya.

Jumaat lalu, polis menahan seorang pengarah syarikat di Pulau Pinang bagi membantu siasatan kes berkenaan. Lelaki berusia 43 tahun itu ditahan reman selama 10 sehingga 19 November ini.

Semalam, bekas Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa, dilaporkan berkata sesiapa saja yang didapati terbabit dalam penyelewengan peruntukan PPRT, perlu diambil tindakan tegas.

Annuar berkata, beliau sedia memberi kerjasama kepada polis dan Badan Pencegah Rasuah (BPR) dalam siasatan kes salah guna wang PPRT itu.

(END)